



NASIONAL

KES

POLITIK

PENDIDIKAN

WILAYAH

KL dijangka 'hidup' semula seawal Ogos

Oleh [Suzalina Halid](#) - Jun 25, 2021 @ 11:16am
suzalina@bh.com.my

25



Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin diiringi Annuar (kiri) beramah mesra dengan penduduk yang menerima vaksin sempena Program Imunisasi COVID-19 Mobile Vaccination di Pusat Vaksinasi Perumahan Awam Seri Johor, Kuala Lumpur baru-baru ini. - NSTP/Aswadi Alias

KUALA LUMPUR: Kuala Lumpur yang menjadi pusat ekonomi dan sosial negara dijangka kembali 'hidup' seawal Ogos ini.

Warga kota diyakini berupaya kembali kepada kehidupan normal lebih awal apabila imuniti kelompok di Wilayah Persekutuan dicapai dalam tempoh dua bulan lagi.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, berkata sasaran sama juga dijangka dicapai bagi Putrajaya dan Labuan menjelang bulan depan dalam usaha menjayakan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Beliau berkata, dalam memastikan usaha itu tercapai, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melancarkan program bersifat pecutan melalui Program Vaksinasi Bergerak [MyMedic@Wilayah](#), tambahan kepada Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

Ia menyorot proses pemvaksinan di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kampung tradisi, industri, pasar borong dan penempatan gelandangan bagi memastikan tiada yang tercicir.

"Kuala Lumpur adalah pusat ekonomi yang merangsang pertumbuhan



TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 21m ○ [Feri penumpang berlabuh tenggelam](#)
- 23m ○ [Pakar cadang Pelan Pemulihan Negara dilaksana ikut negeri](#)
- 26m ○ [Arab Saudi sasar jadi negara sumber kurma utama dunia](#)
- 30m ○ [EURO: Itali, Belgium berpeluang cipta rekod](#)
- 36m ○ ['Ayah jatuh sakit bila sedar tertukar anak'](#)
- 37m ○ [EURO: Sweden, Ukraine saling optimis](#)
- 37m ○ [Kemudahan selesa buat ibu hamil terima vaksin](#)
- 42m ○ [EURO: Jerman tak buat latihan penalti](#)

seluruh negara dan sangat penting untuk mencapai imuniti kelompok dengan cepat bagi memastikan semua aktiviti komersial dapat kembali beroperasi seperti biasa.

"Kita dapat melihat cahaya di hujung terowong dengan adanya Pelan Pemulihan Negara dalam pengurusan COVID-19 hingga akhir tahun ini.

"Apa yang saya harapkan ialah selepas Ogos ini, senarai negatif membabitkan sektor yang boleh beroperasi akan berkurangan sehingga Kuala Lumpur dapat kembali hidup dan penduduknya boleh memiliki pendapatan seperti sedia kala," katanya pada sidang media khas mengenai PPN membabitkan Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata, bagi kes COVID-19 di ibu negara, pihaknya berusaha dengan Kementerian bertanggungjawab memastikan kadar kebolehjangkitan (Rt) menurun kepada 0.8.

"Sejak 7 Jun hingga Selasa lalu, kita berjaya memberikan 38,856 dos vaksin pertama di bawah [MyMedic@Wilayah](#) yang dilaksanakan di 14 PPR dan PA DBKL dan kampung tradisi selain di lapan kawasan industri, termasuk pasar borong menggunakan 13 trak.

"KWP menyasar penambahan bilangan trak kepada 40 bagi program [MyMedic@Wilayah](#) dan mengadakan perbincangan strategik bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) untuk penambahan vaksin kepada Labuan," katanya.

Liputan Imunisasi COVID-19 WP Kuala Lumpur & Putrajaya

Pusat pemberian vaksin
(PPV) di WP KL & Putrajaya

WP Kuala Lumpur

JENIS PPV	BIL PPV
PPV Mega	2
PPV Awam	1
PPV Mobile	13
SPPV	3
PPVGP (Klinik Swasta)	90
PPVHS (Hospital Swasta)	13
PPVAS (Awam Swasta)	2
JUMLAH	124

WP Putrajaya

JENIS PPV	BIL PPV
PPV Awam	1
PPV Mobile	1
SPPV	2
JUMLAH	4

Jumlah keseluruhan PPV = 128

Peratus liputan imunisasi COVID-19: Sehingga 20 Jun 2021

WP	Jumlah kumulatif divaksinasi Dos 1	% divaksinasi Dos 1 mengikut populasi	Jumlah kumulatif divaksinasi Dos 2	% divaksinasi Dos 2 mengikut populasi
Kuala Lumpur	724,684	53.74%	141,094	10.46%
Putrajaya	33,272	49.15%	20,073	29.65%

Sumber: <https://www.vaksinocovid.gov.my/>

Beliau berkata, warga kota yang terdiri daripada gelandangan juga tidak dilupakan dalam menerima vaksin dengan seramai 252 golongan itu sehingga kini sudah diberikan vaksin di Pusat Penempatan Gelandangan Anjung Kelana dan Pusat Komuniti Setiawangsa.

KWP turut merancang memastikan kira-kira 6,000 penghantar makanan dan 7,000 penjaja makanan untuk divaksin dalam tempoh terdekat bagi memberi keyakinan kepada orang ramai bagi urusan jual beli.

"Apabila mendapat lampu hijau, kita akan memulakan proses vaksinasi

VAKSIN



NASIONAL Jun 27, 2021 @ 12:23pm

Lebih 5 juta dapat suntikan pertama



NASIONAL Jun 27, 2021 @ 11:54am

Nafi PPV Selangor berdepan kurang bekalan vaksin



NASIONAL Jun 26, 2021 @ 4:19pm

Hampir 2 juta dos vaksin untuk PIKAS



NASIONAL Jun 26, 2021 @ 2:41pm

Pfizer, Sinovac, AstraZeneca sesuai untuk wanita hamil



NASIONAL Jun 26, 2021 @ 2:00pm

Pulau Pinang terima lebih banyak vaksin



NASIONAL Jun 26, 2021 @ 1:34pm

EU tidak sekat bekalan vaksin - Khairy

TRENDING



NASIONAL 38 minit yang lepas

'Ayah jatuh sakit bila sedar tertukar anak'



BOLA 2 jam yang lepas

EURO: Ronaldo dikecam buang lilitan kapten



BOLA 3 jam yang lepas

EURO: Ronaldo diejek peminat selepas dimalukan Courtois



LAIN-LAIN (SUKAN)

Jun 27, 2021 @ 9:23pm

Polis buru wanita punca kemalangan Tour de France



NASIONAL Jun 27, 2021 @ 11:57am

'Fasa 1 PPN kekal, bantuan menyusul' - Perdana Menteri


MYRESIPI



TIPS & PETUA

Jun 27, 2021 @ 9:09pm

Tips Simpan Lauk Basah Supaya Tahan Lama & Kekal Segar!




RESEPI Jun 27, 2021 @ 9:06pm

Resepi Ayam Menangis Meraung Menggunakan Bahan Perap Yang Mudah, Memang Kecur Air Liur!

kepada penghantar makanan bulan ini dan untuk peniaga makanan yang mempunyai lesen Wilayah Bebas Berniaga pada bulan depan.

"Kita turut menggalakkan syarikat dalam sektor ekonomi untuk memastikan pekerja mereka semua divaksin bagi memudahkan lagi urusan perniagaan selain berhubung dengan pelanggan," katanya.



RESEPI Jun 25, 2021 @ 11:02am

Siakap Laprik Ala Thai Kampung Style, Rangup & Pedas Memang Kaw!

TIPS & PETUA

Jun 25, 2021 @ 11:01am



Tips Masak Sagu Dengan Sukatan Air Yang Betul, Baru Lah Biji Sagu Jernih & Tidak Hancur



TIPS & PETUA

Jun 23, 2021 @ 4:21pm

Tips Masak Beras Basmathi Supaya Lembut & Tidak Melekat, Baru Lah Sedap Nak Makan!

Disyorkan untuk anda

Recommended by




Wanita yang berumur 52 tahun mampu kelihata...
Berita Kisah Asia



Retirement Villages Near Petaling Jaya...
Senior Living | Sponsor...



Noynoy Aquino's death gives Duterte dynasty...
Nikkei Asia



Plastic Surgery in Singapore - Prices in 2021...
Plastic Surgery | Searc...



Quiz: Can You Name These Movies From A...
TooCool2BeTrue



Actor Sylvester Stallone Selling La Quinta,...
Mansion Global



Quiz: Can You Recognize All These Oscar...
Parentsdome Galleries



Hong Kong's 29-year-old crypto billionaire: FTX's...
Nikkei Asia



IKUTI KAMI DI:



BERITA

BHPLUS

Nasional

Kes

Politik

Pendidikan

Wilayah

SUKAN

DUNIA

HIBURAN

BISNES

RENCANA

WANITA

HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA

Foto

BHTV

Infografik

LANGGAN

Akhbar Digital

Akhbar BH

PERKHIDMATAN

Iklan Web

1Klassifieds

NSTP KLiK